

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

**TATACARA PEMBELIAN TERUS MELALUI
PLATFORM E-DAGANG (*E-COMMERCE*)
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	Tujuan	1
2.0	Latar Belakang	1 - 2
3.0	Syarat – Syarat Perolehan	2 - 3
4.0	Dokumen Sokongan	4
5.0	Pemakaian Dan Pematuhan	4
6.0	Proses Kerja Dan Carta Alir	4
7.0	Rujukan	5

TATACARA PEMBELIAN TERUS MELALUI PLATFORM E-DAGANG (E-COMMERCE), UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Tatacara ini diwujudkan sebagai panduan kepada staf Universiti dalam menguruskan kaedah perolehan secara pembelian terus melalui platform e-dagang (*e-commerce*) yang mana merupakan tambahan kepada kaedah pembelian terus di bawah kawalan Pusat Tanggung jawab (PTj) dengan had nilai tidak melebihi RM20,000.00.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Merujuk kepada Tatacara Perolehan Universiti, bagi pembelian terus melebihi RM1,000.00 sehingga RM20,000.00 hendaklah menggunakan Pesanan Tempatan (*Local Order – LO*). Dilaksanakan secara pembelian terus daripada mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Kajian pasaran hendaklah dibuat dengan mendapatkan sekurang- kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.
- 2.2 Walau bagaimanapun, merujuk kepada Tatacara Tuntutan Mendahulukan Wang Sendiri membenarkan staf Universiti membuat pembayaran terlebih dahulu menggunakan wang sendiri dan membuat tuntutan bayaran balik kepada Pejabat Bendahari dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang lengkap mengikut syarat-syarat tertentu. Tatacara ini memberi pengecualian kepada pematuhan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan dan perkhidmatan yang berkuatkuasa.

- 2.3 Pembelian melalui platform e-dagang merupakan satu kaedah pembelian yang paling digemari pada masa kini. Secara umumnya, e-dagang boleh ditakrifkan sebagai satu sistem yang membolehkan penjualan dan pembelian barangan atau perkhidmatan oleh penjual dan pengguna di internet. Di antara laman web e-dagang yang terkenal dan mendapat sambutan di Malaysia adalah Lazada, Shopee, Mudah.com, Lelong.com.my, eBay.com.my dan sebagainya.
- 2.4 Pembelian melalui platform e-dagang mempunyai kelebihan seperti berikut:
- 2.4.1 Mudah dilaksanakan serta menawarkan harga yang lebih kompetitif, menguntungkan serta menjimatkan masa. Staf dapat membuat perbandingan harga dengan telus dan mudah bagi mendapatkan nilai pembelian terbaik;
 - 2.4.2 Lebih dipercayai, selamat dan cekap kerana maklumat yang dipaparkan lebih tepat, terkini dan tidak mudah dimanipulasi oleh pihak lain; dan
 - 2.4.3 Staf mempunyai lebih banyak pilihan kerana boleh membeli barangan dari luar negara yang tidak dijual dalam pasaran tempatan tetapi boleh dibeli secara atas talian.

3. SYARAT-SYARAT PEROLEHAN

- 3.1 Bagi tujuan penyelidikan, perundingan dan pengkomersilan, penyelidik UMK yang mempunyai geran penyelidikan dibenarkan membuat perolehan melalui platform e-dagang bagi bahan mentah, bahan guna habis dan bekalan/peralatan lain yang boleh didapati dengan mudah dengan harga yang lebih murah tetapi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- 3.1.1 Terma-terma geran penyelidikan dan sumber peruntukan dibenarkan dan diluluskan serta mencukupi;

- 3.1.2 Tempoh geran penyelidikan yang aktif sahaja;
 - 3.1.3 Pembelian terhadap kepada nilai tidak melebihi RM10,000.00;
 - 3.1.4 Pembelian yang melibatkan aset dan inventori adalah tidak dibenarkan. Contohnya perabot, komputer meja, komputer riba dan lain – lain;
 - 3.1.5 Pemohon hendaklah bertanggungjawab terhadap pembelian dipesan dan hendaklah menepati spesifikasi yang diperlukan;
 - 3.1.6 Pemohon dilarang memecah-kecil perolehan bagi mengelak pematuhan kepada Peraturan Kewangan;
 - 3.1.7 Perbandingan harga mesti disediakan bagi pembelian melebihi nilai RM1,000.00 dengan membandingkan sekurang-kurangnya tiga (3) sebut harga termasuk sebut harga melalui platform e-dagang. Ahli Jawatankuasa Teknikal di kalangan yang mahir perlu dilantik bagi mengesahkan spesifikasi dan permohonan perolehan;
 - 3.1.8 Pembelian perlu dibuat dengan Preferred Seller sahaja.
 - 3.1.9 Pembelian hendaklah melalui kad kredit/kad debit sendiri atau bayaran dalam talian yang lain dan hendaklah dilaksanakan selepas permohonan pembelian diluluskan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) atau Pegawai yang diturunkan kuasa dan Jawatankuasa Teknikal serta Penggunaan kad korporat PTj adalah tidak dibenarkan sama sekali; dan
 - 3.1.10 Tuntutan bayaran balik adalah mengikut Tatacara Mendahulukan Wang Sendiri selepas semua syarat dipatuhi.
- 3.2 Seterusnya, perolehan melalui platform e-dagang juga dibenarkan bagi pembelian bahan mentah, bahan guna habis dan bekalan/peralatan lain yang sepenuhnya menggunakan peruntukan tabung amanah tertakluk kepada Surat Ikatan Amanah dan syarat-syarat yang sama seperti di perkara 3.1.

4. DOKUMEN SOKONGAN

4.1 Dokumen sokongan yang perlu disertakan bersama Borang Tuntutan Mendahulukan Wang Sendiri adalah seperti berikut:

BIL	HAD NILAI PEMBELIAN	DOKUMEN SOKONGAN
1.	Sehingga RM1,000.00	i. Resit asal atau sebarang bukti bayaran yang disahkan oleh Ketua PTj atau Pegawai yang diturunkan kuasa.
2.	Melebihi RM1,000.00	i. Kelulusan Jawatankuasa Teknikal. ii. Tiga (3) sebut harga. iii. Resit asal atau sebarang bukti bayaran yang disahkan oleh Ketua PTj atau Pegawai yang diturunkan kuasa.

5. PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN

5.1 Tatacara ini juga hendaklah dibaca bersama Tatacara Mendahulukan Wang Sendiri Universiti Malaysia Kelantan.

5.2 Staf adalah dilarang untuk memecah-kecil pembelian.

6. PROSES KERJA DAN CARTA ALIR

6.1 Proses Kerja dan Carta Alir Pembelian Terus Melalui Platform E-Dagang sebagaimana di **LAMPIRAN A**.








7. RUJUKAN

7.1 Surat Pekeliling Bendahari

7.1.1 Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 8 Tahun 2020 mengenai
Tatacara Mendahulukan Wang Sendiri (Pindaan) Universiti Malaysia
Kelantan

7.1.2 Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 9 Tahun 2020 mengenai
Tatacara Perolehan Universiti

**CARTA ALIR
PEMBELIAN TERUS MELALUI PLATFORM E-DAGANG**

TANGGUNGJAWAB	CARTA ALIR	PROSES KERJA
		MULA
Staf / Pemohon		Mendapatkan tiga (3) sebut harga termasuk sebut harga melalui platform e-dagang.
Staf / Pemohon		Mendapatkan kelulusan pembelian daripada Ketua PTj atau Pegawai yang diturunkan kuasa.
Jawatankuasa Penilaian Teknikal PTj		Membuat penilaian terhadap tiga (3) sebut harga yang dikemukakan.
Staf / Pemohon		Membuat proses pembelian dan pembayaran.
Staf / Pemohon		Membuat tuntutan bayaran balik mengikut Tatacara Mendahulukan Wang Sendiri.
		SELESAI